

lokal

Kuala Lumpur: Menawarkan khidmat pembantu rumah warga asing dengan kadar RM2,300 setiap seorang di media sosial.

Itu taktik dilakukan agensi pekerjaan dipercayai beroperasi tanpa lesen untuk memperdaya mereka yang terdesak menginginkan pembantu rumah dengan segera.

Namun penipuan agensi itu terbongkar selepas lima individu yang menjadi mangsa membuat laporan polis dan mendakwa rugi hampir RM100,000.

Seorang mangsa yang juga akauntan yang mahu dike-

Lima rugi RM100k ditipu ejen tawar amah

nali Denis Low, 49, mendakwa dia melihat iklan tawaran sewa pembantu rumah di Facebook pada 2021.

Wanita itu berkata, dia berminat dengan iklan itu lalu menghubungi ejen syarikat dikenali sebagai Alvin untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Menurutnya, dia diminta membayar wang pendahuluian RM7,000.

Katanya, dia membuat bayaran, tetapi selepas beberapa bulan menunggu, lelaki itu gagal menghantar

pembantu rumah seperti dijanjikan dan pelbagai alasan diberikan.

"Ejen itu kemudiannya menawarkan saya pembantu rumah kontrak kononnya proses itu lebih cepat.

"Saya sangat terdesak ketika itu, jadi saya setuju tapi perlu tambah bayaran pendahuluian menjadikan jumlah keseluruhan RM22,000.

"Sehingga Februari lalu, saya menerima tiga pembantu rumah warga asing yang silih berganti kerana mereka melarikan diri se-

lepas mendakwa tidak dibayar gaji sedangkan saya sudah buat bayaran kepada ejen. Malah, pasport mereka disimpan ejen.

"Saya berasa tidak puas hati lalu beritahu Alvin untuk tidak teruskan kontrak dan minta dia pulangkan semula wang saya," katanya ketika sidang media di Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Denis berkata, lelaki itu gagal dihubungi selain tidak memu-

langkan semula wang RM7,000 dan semakan di Facebook mendapati syarikat itu sudah tidak beroperasi.

Seorang lagi mangsa yang mahu dikenali sebagai Leong, 28, mendakwa rugi RM13,000 selepas diperdaya ejen sama bagi mendapatkan pembantu rumah warga asing dan menyertai pelaburan di syarikat berkenaan pada tahun lalu.

"Selain mendapatkan pembantu rumah, ejen itu menawarkan saya pelaburan di syarikat dengan

menjanjikan keuntungan tinggi. Saya bersetuju lalu buat pemindahan wang pada Disember tahun lalu.

"Namun pembantu rumah saya melarikan diri selepas beberapa bulan bekerja dan lelaki itu juga gagal dihubungi," katanya.

Sementara itu, Ketua Biro Perkhidmatan Awam dan Aduan MCA Datuk Seri Michael Chong berkata, pihaknya berharap pihak berkuasa termasuk Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengambil tindakan bagi mengelak lebih ramai menjadi mangsa.